

EK

PELABUR AMERIKA DIUTAMAKAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 APRIL (BE BERNAMA) -- AMERIKA SYARIKAT TELAH DAN MASIH MERUPAKAN SUMBER PELABURAN ASING YANG DIUTAMAKAN KERANA TEKNOLOGI DAN KEPAKARANNYA WALAUPUN PELABURAN DARI NEGARA-NEGARA YANGSEDIA BEKERJASAMA DIALU-ALUKAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA AS IALAH ANTARA LIMA PELABUR UTAMA DI MALAYSIA DANDASATU KAJIAN BARU BARU INI MENUNJUKAN 96 PROJEK PEMBUATAN DAN PELANCONGAN DI NEGARA INI MEMPUYAI KEPENTINGAN AMERIKA, MELIBATKAN MODAL BERBAYAR SEJUMLAH \$287.6 JUTA DAN ASET TETAP BERNILAI \$663.7 JUTA.

INI TIDAK TERMASUK SYARIKAT-SYARIKAT ANTARABANGSA AMERIKA YANG MENERIMA SUMBER KEWANGAN DARI NEGARA-NEGARA KETIGA SEPerti SINGAPURA, HONG KONG, BERMUDA DAN EROPAH DAN PELABURAN-PELABURAN DARI SYARIKAT-SYARIKAT UTAMA MINYAK AMERIKA.

DR. MAHATHIR BERUCAP DI PERSIDANGAN SEPARUH TAHUN KE-37 MAJLIS DEWAN PERNIAGAAN AMERIKA KAWASAN ASIA PASIFIK (APCAC) YANG MEWAKILI KEPENTINGAN KIRA-KIRA 35,000 ORANG PENIGA DAN 6,500 PERTUBUHAN PERNIAGAAN DALAM 18 DEWAN PERNIAGAAN AMERIKA.

KATANYA DARI SEJUMLAH 448 PROJEK YANG DILULUSKAN PADA TAHUN 1986, 25 PROJEK ADALAH DENGAN EKUITI AMERIKA BERNILAI \$17.1 JUTA.

ENAM PULUH PERATUS DARIPADA PROJEK-PROJEK ITU ADALAH UNTUK PEMBESARAN PROJEK, YANG MEMBUKTIKAN KEYAKINAN SYARIKAT-SYARIKAT AMERIKA KEPADA IKLIM PELABURAN DI MALAYSIA, KATANYA.

DR. MAHATHIR BERKATA SYARIKAT-SYARIKAT ELEKTRONIK AMERIKA YANG TERKEMUKA SEPerti NATIONAL SEMICONDUCTOR, MOTOROLA, HEWLETT-PACKARD, MONSANTO, GENERAL ELECTRIC DAN LAIN-LAIN TELAH PUN MENUNJUKAN PRESTASI YANG MERANGSANGKAN DI MALAYSIA.

'SAYA PERCAYA LEBIH RAMAI AKAN DATANG JIKA MEREKA SANGGUP MENANYAKAN RAKAN-RAKAN MEREKA ATAU PESAING-PESAING MEREKA YANG TELAH PUN MELABUR DI SINI,' KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA AKAN MENGANJURKAN LEBIH BANYAK PROGRAM PENGGALAKAN UNTUK MEMBANTU MENJADIKAN MALAYSIA LEBIH DIKENALI DI KALANGAN PENGUSAHA-PENGUSAHA TERKEMUKA AMERIKA.

LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA) AKAN MENGANJURKAN SATU SIRI MESYUARAT MEJA BULAT DI BOSTON, DALLAS, ST. LOUIS DAN WASHINGTON D.C. PADA MEI DAN JUN.

MALAYSIA AKAN MENGANJURKAN SATU LAGI SEMINAR PELABURAN/DAGANGAN DAN PELANCONGAN SEMINAR DI LOS ANGELES, CHICAGO DAN NEW YORK PADA BULAN SEPTEMBER DAN OKTOBER.

DR. MAHATHIR BERKATA MIDA AKAN JUGA MENGADAKAN SATU SEMINAR SERTA LAWATAN KAJIAN SEMPENA PAMERAN 'INTERNEPCON', SATU PAMERAN MENGENAI PERKHIDMATAN SEMI-KONDUKTOR ELEKTRONIK DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN DI KUALA LUMPUR PADA BULAN JULAI, DIJANGKA DIHADIRI TERUTAMA OLEH PENGUSAHA-PENGUSAHA AMERIKA.

MIDA JUGA AKAN MENGANJURKAN SATU FORUM PELABURAN SERTA LAWATAN KAJIAN DI MALAYSIA UNTUK SYARIKAT-SYARIKAT AS AWAL 1988, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA AKAN MENITIKBERATKAN PERINDUSTRIAN BERASASKAN EKSPORT, USAHA MENINGKATKAN PERTUMBUHAN DALAM INDUSTRI-INDUSTRI YANG DIUTAMAKAN YANG DIPILIH BERDASARKAN KEUNTUNGAN PERBANDINGAN, PEMBANGUNAN GUNATENAGA, DAN PEMILIKAN TEKNOLOGI.

'KAMI PERCAYA MASA DEPAN KAMI BERGANTUNG KEPADA PEMROSESAN BAHAN MENTAH KAMI DI PERINGKAT KEDUA DAN KETIGA YANG DITAMBAH NILAI DAN DALAM TEKNOLOGI YANG LEBIH TINGGI,' KATANYA.--BE BERNAMA